





PENYAKIT TALASEMIA INI BERKAIT LEBIH DENGAN KEADAAN DARAH DALAM TUBUH KITA

BUAT MASA SEKARANG DIANGGARKAN BAHAWA 1 ORANG DALAM 20 ORANG DI MALAYSIA INI ADALAH PEMBAWA TALASEMIA.



TERDAPAT 2 JENIS TALASEMIA:

- 1. TALASEMIA MINOR
- 2. TALASEMIA MAJOR

TALASEMIA MINOR: LEBIH DIKENALI SEBAGAI PEMBAWA TALASEMIA

TALASEMIA MAJOR:

ADALAH PESAKIT TALASEMIA YANG MEMPUNYAI SEL DARAH YANG HANYA BOLEH HIDUP SELAMA BEBERAPA MINGGU SAHAJA. BERBANDING YANG SEL DARAH NORMAL ADALAH SELAMA 4BULAN.

OHH..



HMM.. APAKAH KESAN PENYAKIT TALASEMIA INI?



KESAN-KESAN UMUM TALASEMIA ADALAH: KEKURANGAN DARAH (ANEMIA) PEMBEKAKAN HATI DAN LIMPA DAN PERUBAHAN PADA PEMBENTUKAN TULANG MUKA

SELAIN ITU, PADA AWAL KELAHIRAN BAYI..



ANAK TERSEBUT KELIHATAN NORMAL, TETAPI AKAN BERANSUR-ANSUR KELIHATAN PUCAT, KULIT KELIHATAN KUNING.

MALAH, TAK BERSELERA MAKAN DAN BADAN LETIH DAN GE- LISAH.



OHH.. TAPI KAN ABG JOHAN. MACAM MANA SESEORANG ITU BOLEH MENGHIDAP PENYAKIT TALASEMIA NI?



AISHAH DATANG DUDUK KAT SEBELAH SINI.. ABG MALAS NAK BERDIRI.

EHH..?? BILA PULA ABG KASIM DUDUK KAT SITU?



HAMHAHA.. SUKANYA AISHAH BERTANYA YE..

SIFAT MACAM NI LAH BAGUS AISHAH.. BARULAH BERKEMBANG PENGETAHUAN



HEHEHE..



YANG MACAM ABG KASIM BAGITAHU TADI.. TALASEMIA INI ADALAH PENYAKIT YANG DITURUNKAN..

DAN TALASEMIA MINOR ADALAH PEMBAWA TALASEMIA..



PEMBAWA TALASEMIA ADALAH IBU BAPA ITU SENDIRI..



PEMBAWA TALASEMIA BOLEH HIDUP SEPERTI MANUSIA NORMAL DAN TIDAK EMPUNYAI GEJALA SEPERTI PESAKIT TALASEMIA MAJOR..



SEBAB ITU ADALAH PENTING UNTUK MENGETAHUI STATUS DIRI KITA INI



OH YE AISHAH.. ABG KASIM NK SINGGAH KEDAI AYAH AISHAH SEKEJAP



ABNG NAK BELI BARANG ABANG, PASTU BUAH TANGAN UNTUK ABG JAMIL ANAK PAKCIK JOHAN..




AISHAH NAK IKOT TAK ABG KASIM MELAWAT ABG JAMIL?



AISHAH NAK..


BIAR ABANG TERANGKAN.. SEKIRANYA HANYA SALAH SEORANG DARI IBU BAPA ADALAH PEMBAWA TALASEMIA KEMUNGKINAN UNTUK MEREKA MENDAPAT ANAK PENGHIDAP TALASEMIA MAJOR ADALAH TIADA.. TETAPI MEMPUNYAI 50% KEMUNGKINAN UNTUK MENDAPAT ANAK PEMBAWA TALASEMIA.. DAN 50% KEMUNGKINAN NORMAL.



SALAH SEORANG IBU BAPA ADALAH PEMBAWA TALASEMIA

50% SIHAT  
50% PEMBAWA TALASEMIA

WALAU BAGAIMANAPUN, UNTUK SEPASANG PASANGAN ITU MENDAPAT SEORANG ANAK PENGHIDAP TALASEMIA MAJOR ADALAH APABILA KEDUA-DUA IBU BAPA ADALAH PEMBAWA TALASEMIA.. DAN 50%(2 ORANG) KEMUNGKINAN PEMBAWA TALASEMIA DAN SEORANG YANG NORMAL



KEDUA IBU BAPA ADALAH PEMBAWA TALASEMIA

25% PESAKIT TALASEMIA MAJOR  
25% NORMAL  
50% PEMBAWA TALASEMIA



JOM IKOT ABG KASIM KE KEDAI AYAH AISHAH..



KEDAI RUNCIT AYAH AISHAH

SALAM SEJAHTERA KASIM


SALAM SEJAHTERA PAKCIK



SAYA NAK BELI KOPI KAMPUNG SATU PASTU, BUAH DELIMA RM7

ADA-ADA.. SEKEJAP..

HA.. NI DIA..



MACAM NI PAKCIK..

SAYA INGAT NAK BAWAK AA...

ABAH... AISHAH NAK IKOT ABG KASIM MELAWAT ABG JAMIL KAT HOSPITAL..

BOLEH TAK ABAH?



TERIMA KASIH



TETAPI SEKARANG  
UNTUK  
MENGEKALKAN  
KESIHATAN  
PESAKIT  
TALASEMIA INI  
ADA DISEDIAKAN.




YANG UTAMA..  
PESAKIT HARUS  
MEMBUAT TRANFUSI  
DARAH  
SECARA RUTIN DAN  
BERKALA..  
SEPERTI SETIAP 4  
MINGGU SEKALI




YANG  
MACAM  
ABG JAMIL  
KAMU NI  
SEDANG  
ALAMI..

INI ADALAH UNTUK  
MENGELAKKAN  
PESAKIT  
KEKURANGAN  
DARAH DAN  
MENGHINDARKAN  
DARI KELIHATAN  
PUCAT..




SERTA MEMASTIKAN  
TISU BADAN  
MENDAPAT  
BEKALAN OKSIGEN  
YANG MENCUKUPI



JUGA MENGALAKKAN  
SUM-SUMTULANG REHAT..  
KESANNYA, KEADAAN  
PEMBENTUKAN  
TULANG ADALAH NORMAL  
DAN KUAT  
SERTA MUKA AKAN  
KELIHATAN NORMAL..



NAMUN BEGITU,  
KESAN DARIPADA  
KEKERAPAN MELAKUKAN  
TRANFUSI DARAH AKAN  
MENYEBABKAN  
PENGUMPULAN ZAT BESI  
YANG BERLEBIHAN




YANG MANA JUGA BOLEH  
MENYEBABKAN JANTUNG, HATI,  
DAN KELENJAR  
ENDOKRIN GAGAL BERFUNGSI..  
RAWATAN MEMBUANG  
MEMBUANG ZAT BESI INI DI-  
PANGGIL  
'IRON-CHELATORS'




UBAT-UBATAN  
YANG BIASA  
DIGUNAKAN ADALAH  
MELALUI  
SUNTIKAN

DENGAN MENGGUNAKAN  
INFUSI PAM  
SECARA PERLAHAN UNTUK  
BEBERAPA JAM..



SELAIN ITU,  
SEKIRANYA INFUSI PAM  
TAK BERKESAN ATAU TIDAK  
SESUAI..




CARA UNTUK IRON-  
CHELATORS MELALUI  
TABLET  
JUGA ADA..

TETAPI  
MEMERLUKAN  
Pemerhatian  
yang teliti..









DARI SEGI  
KEBIMBANGAN TU  
MEMANG ADA LAH  
KAN..  
INI KERANA  
PENYAKIT  
TALASEMIA INI  
PERLU PENJAGAAN  
YANG RAPI..

DAN JIKALAU  
TAK MENEPATI  
SYARAT PENJAGAAN  
YANG SEPATUTNYA..  
BOLEH  
MENYEBABKAN  
BERLAKU  
KESAN-KESAN  
YANG  
PARAH..



ABANG ADA **NASIHAT**  
TAK **UNTUK**  
**ORANG YANG BAKAL**  
**MENDIRIKAN RUMAH**  
**TANGGA** SEPERTI  
SAYA NI??

APA YANG  
ABANG TEKANKAN  
KALAU KAMU NANTI  
DAH ADA PERANCANGAN  
NAK DIRIKAN RUMAH  
TANGGA..

SELOK-ELOKNYA  
KAMU **PERGI LAH**  
**PERIKSA DIRI KAMU**  
**DENGAN PASANGAN**  
KAMU TU..  
UNTUK MENGELAK  
DARI MENYESAL  
DI MASA AKAN  
DATANG..



SELAIN ITU..  
TENTUNYA PESAKIT ITU  
MENDERITA  
APABILA PERLU  
MENJALANI RAWATAN  
YANG DIBERI..  
IBU BAPA MANA  
YANG BAHAGIA BILA  
ANAKNYA  
MENDERITA..

SEBAGAI  
SEORANG IBU..  
AKAK JAMILAH KAU  
JUGA SANGAT TERKESAN DARI  
KEADAAN INI..  
KADANG-KADANG SEHINGGA  
TERBAWA-BAWA DALAM  
TIDUR SEDIH DIA TU..



ISK! ISK! ISK!



TERIMA KASIH ABANG  
SUDI BERJALAN DAN  
BERKONGSI CERITA  
DENGAN SAYA.

SAMA-SAMA  
KASIM..  
ABG BERKONGSI  
PUN UNTUK  
MANFAAT  
KAMU NANTI.



OHH..  
SAYA DAH  
LEWAT NI.  
SAYA DAH  
NAK KENA  
BALIK

HARAP-HARAP  
BEGITU..  
SELEPAS MENDENGAR  
KESAH ABG JOHAN..



TETAPI..  
JANGAN DISEBABKAN  
KEBIMBANGAN ITU..  
IBU BAPA MENGHADKAN  
KEGIATAN SI ANAK..  
SI ANAK SANGAT PERLUKAN  
BANTUAN DAN SOKONGAN  
DARI IBU BAPA.  
MEREKA BERHAJ HIDUP  
SEPERTI YANG  
LAIN



BANYAK ASPEK  
YANG PERLU DITITIK  
BERATKAN UNTUK  
PENJAGAAN ANAK  
YANG MENGHADAP  
PENYAKIT INI  
KASIM..

BETUL TU ABG  
JOHAN..  
BUKAN SAHAJA  
PERLU DIJAGA  
DIBAHAGIAN LUAR  
SAHAJA..  
EMOSI MEREKA JUGA  
PERLU DIJAGA



SAYA DOAKAN DAN  
HARAPKAN ABG SEKELUARGA  
SENTIASA  
TABAH MENGHADAPI DUGAAN  
NI..



JOM KE DALAM DULU..  
SAYA KENA AMBIL  
ASHAH DAHULU  
SEBELUM BALIK..



KEMBALI KE DALAM HOSPITAL



AISHAH..  
ABANG DAH  
NAK KENA  
BALIK NI.  
ABANG ADA KERJA  
PULA.



ALAA..  
CEPATNYA..  
AISHAH TENGAH  
SERONOK BORAK  
NI



LAGIPUN  
AYAH AISHAH  
SURUH BALIK AWAL  
KAN?



MERAJUK  
LAH..



HANANA..

HAHANA..



HEHEHE..



HMM..



KEHEHEHE..



TAK APA-  
APALAH..  
AKAK FAHAM..

MAAF YE AKAK  
JAMILAH..  
SAYA TERPAKSA  
BALIK SEKARANG.



WAALAIKUMUSSALAM..  
AISHAH, KASIM..

PAKCIK,  
MAKCIK, ABG JAMIL..  
AISHAH BALIK DULU..  
JUMPA LAGI..  
ASSALAMUALAIKUM..

ASSALAMUALAIKUM..  
SEMUANYA..

WAALAIKUM-  
MUSSALAM..  
HATI-HATI  
BERJALAN TU..



DALAM PERJALANAN PULANG KE KEDAI.

BAHAYA PENYAKIT  
TALASEMIA NI KAN..  
AISHAH TERFIKIRLAH  
DARIPADA MERAWAT..  
KENAPA  
TAK MENCEGAH  
SAJA PENYAKIT NI  
ABG KASIM?

DULU  
TEKNOLOGI  
TIDAK MAJU  
SEPERTI  
SEKARANG..  
DAN  
SEKARANG  
JUMLAH PESAKIT  
TALASEMIA  
BERTAMBAH..

LANGKAH  
PENCEGAHAN  
ITU ADA..

DAN  
HANYA BOLEH  
DILAKUKAN OLEH  
PASANGAN YANG  
BAKAL MENJADI  
IBU BAPA  
SAHAJA..



SAMA ADA  
SEBELUM  
BERNIKAH  
ATAUPUN  
SEBELUM  
MERANCANG UNTUK  
MEMPUNYAI  
ANAK

PASANGAN  
TERSEBUT  
HARUSLAH  
MEMERIKSA  
KEADAAN DIRI  
UNTUK MASA  
HADAPAN YANG  
LEBIH  
TERJAMIN



KEMUDIAN.. BARULAH PASANGAN TERSEBUT BOLEH MEMBUAT KEPUTUSAN..

